

# Lebih 60 peratus pesakit Covid-19 di NS sembuh

**SEREMBAN** - Lebih 60 peratus pesakit yang dijangkiti koronavirus (Covid-19) di negeri ini sembuh setakat ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, bilangan itu menunjukkan peningkatan yang positif.

“Namun, angka kematian di negeri ini akibat Covid-19 terus meningkat kepada tujuh orang,” katanya pada sidang akhbar selepas menyempurnakan penyampaian sumbangan daripada syarikat korporat 99 Speedmart Sdn Bhd di kediaman



**Aminuddin (kiri) melihat barangan yang disumbangkan 99 Speedmart Sdn Bhd untuk diserahkan kepada Hospital Tuanku Jaafar di kediaman rasmi beliau dekat Seremban semalam.**

rasminya di sini semalam.

Sementara itu, beliau turut menasihatkan rakyat Negeri Sembilan supaya terus mematuhi Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) kerana hasil pemerhatiannya mendapati bilangan kenderaan yang keluar semakin bertambah.